

**22 September 2009 (Selasa)**

## **LTH bina hotel pertama di Kuala Terengganu**

Oleh Ahmad Fiesal Othman fsal@bharian.com.my

### **Usaha pelbagai portfolio perniagaan, dapat permintaan tinggi**

LEMBAGA Tabung Haji (LTH) akan membina hotel pertamanya di negara ini, iaitu di Kuala Terengganu dalam usaha mempelbagaikan portfolio perniagaannya dan merebut peluang dalam industri perniagaan perhotelan ibu negeri Terengganu itu. Ketua Eksekutifnya, Datuk Ismee Ismail, berkata pembinaan hotel itu yang akan turut menempatkan Kompleks LTH adalah peluang pelaburan yang baik memandangkan permintaan agak tinggi untuk hotel di Kuala Terengganu pada masa kini. Beliau berkata, selain untuk pelaburan, pembinaan hotel dan Kompleks LTH itu juga bertujuan meningkatkan lagi perkhidmatan kepada pelanggan LTH di Terengganu selepas pengenalan penerbangan terus jemaah dari Kuala Terengganu ke Makkah tahun lalu.

"Pembinaan hotel itu masih pada peringkat perancangan dan pengumuman rasmi mengenainya dijangkakan dibuat pada hujung tahun ini atau awal tahun depan. "Setakat ini, maklumat yang boleh saya katakan hanyalah hotel terbabit bakal bertaraf tiga atau empat bintang dengan tidak kurang daripada 250 bilik," katanya pada majlis pelancaran perkhidmatan Tabung Haji di kaunter Bank Islam (Uniteller) di Kuala Lumpur, semalam.

Majlis pelancaran Uniteller itu disempurnakan secara bersama oleh Ismee dan Pengarah Urusan Bank Islam Malaysia Bhd, Datuk Zukri Samat. LTH adalah badan berkanun yang diwujudkan melalui Akta 535 Akta Lembaga Tabung Haji 1995. Aktiviti utama perniagaannya adalah dalam bidang pengurusan Haji dan pelaburan. Ketika ini LTH mempunyai hotel di Makkah dan Madinah di Arab Saudi yang dikendalikan secara pajakan jangka panjang. Sementara itu, Uniteller yang dilancarkan itu adalah bagi memberi kemudahan kepada pelanggan LTH mendapatkan perkhidmatan di kaunter Bank Islam, selain di 123 cawangan LTH di seluruh negara dan sebuah cawangannya di Jeddah, Arab Saudi. Bank Islam Malaysia akan menawarkan perkhidmatan itu secara percuma kepada pelanggan kerana LTH yang menanggung sepenuhnya kos penyelenggaraan.

Usaha sama Bank Islam dan LTH bermula sejak Julai 2007 menerusi fasa pertama yang mana Bank Islam mengendalikan projek perintis dengan mewujudkan satu kaunter khas LTH beroperasi di cawangan Bank Islam di Georgetown, Pulau Pinang. Di bawah fasa kedua yang dilancarkan pada April 2008, Bank Islam mula menyediakan khidmat pengeluaran wang daripada akaun Tabung Haji, pemindahan wang antara akaun Bank Islam dan Tabung Haji serta kemasukan wang ke akaun Tabung Haji melalui saluran elektronik ATM dan CDM Bank Islam di seluruh negara.

Zukri berkata, sejak usaha sama itu dilancarkan, kira-kira 71,400 transaksi meliputi pengeluaran dan kemasukan wang serta pendaftaran Haji telah dilaksanakan di kaunter khas Tabung Haji di cawangan Bank Islam di Georgetown, Pulau Pinang. Beliau berkata, sejak pelancaran fasa kedua usaha sama itu pula, 134,622 akaun Tabung Haji telah diintegrasikan dengan kad ATM Bank Islam. "Kami menjangkakan jumlah transaksi berkaitan LTH melalui saluran ATM dan CDM Bank Islam pada sepanjang 2009 akan mencecah 1.16 juta," katanya.

## 22 September 2009 (Selasa)

### **Timur: Projek agropolitan Rantau Manis gagal**

Oleh Khairul Anuar Abdul Samad krull@bharian.com.my

### **ECER hadapi kelewatan bangun 1,000 rumah apabila Kelantan tidak meluluskan tanah**

KUALA KRAI: Kegagalan kerajaan negeri menyelesaikan masalah tanah dalam projek agropolitan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) di Rantau Manis, Gua Musang, membantutkan usaha membangunkan 1,000 rumah untuk golongan miskin di kawasan itu. Pengerusi Majlis Tindakan Kemajuan Negeri Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed, berkata projek penempatan penduduk miskin yang dirancang dalam program Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) itu kini menghadapi kelewatan disebabkan kerajaan negeri gagal meluluskan tanah. Katanya, ECER sudah menyiapkan perancangan lengkap mengenai pembinaan rumah berkenaan dan sudah dikemukakan kepada kerajaan negeri bagi mendapat kelulusan segera, namun sehingga kini belum mendapat tindak balas.

"Matlamat kerajaan Pusat menerusi projek agropolitan Rantau Manis ialah membina 1,000 penempatan untuk peserta Kesedar yang juga termasuk dalam projek ECER dengan tujuan mengeluarkan mereka daripada jurang kemiskinan menjelang 2010 nanti. "Namun, perancangan itu mengalami sedikit kelewatan kerana masalah tanah yang tidak dapat diselesaikan oleh kerajaan negeri sedangkan ECER sudah membuat perancangan rapi terhadap projek di situ. "Kita berharap dapat kerjasama kerajaan negeri dengan mempercepatkan kelulusan tanah, sekali gus membantu membasi miskin tegar di negeri ini," katanya kepada media pada majlis penyerahan kunci rumah kepada Salleh Mohamed, 51, menerusi Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di Kampung Manik Urai, dekat sini, semalam.

Mustapa yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, dalam tempoh antara dua hingga tiga minggu lagi, kerajaan Pusat akan membelanjakan RM1.5 juta untuk membaiki 500 rumah penduduk miskin di Manek Urai. Katanya, program menerusi projek khas pilihan raya dengan menyediakan peruntukan RM3,000 adalah untuk membaiki sebuah rumah penduduk yang rosak. "Kita berharap menjelang akhir tahun ini program membaiki 500 rumah itu akan siap sepenuhnya sekali gus membuktikan kesungguhan kita membantu rakyat," katanya.

Beliau berkata, bagi Parlimen Kuala Krai, kerajaan Pusat sudah membelanjakan lebih RM4 juta bagi membina 130 rumah baru untuk penduduk miskin di situ. "Daripada jumlah itu, 45 rumah sudah dibina di Manek Urai dengan membabitkan peruntukan RM1.5 juta," katanya.

**23 September 2009 (Rabu)**

### **Minda Pengarang: Pastikan projek pakej rangsangan tak terbengkalai**

KAJI selidik dilakukan oleh sebuah firma antarabangsa sebelum ini mendapati Malaysia antara 10 negara teratas yang dijangka mampu mengharungi krisis kewangan global, manakala Australia berada pada senarai teratas, diikuti China di tempat kedua, India dan Singapura pada tempat ketiga dan keempat. Bagaimanapun, negara maju seperti England, Jerman, Belanda, Taiwan dan Amerika Syarikat berada pada kedudukan lebih rendah dalam kaji selidik keyakinan perniagaan oleh Servcorp International itu. Kita percaya, apa yang menjadi rahsia keupayaan negara terbabit termasuk Malaysia kerana strategi betul dilakukan dan kita yakin kedudukan Malaysia mungkin lebih baik menjelang tahun depan apabila ekonomi negara bertambah kukuh berikut pelbagai inisiatif bagi merangsang pertumbuhan ekonomi dilakukan termasuk pakej rangsangan RM67 bilion.

Pakej pertama RM6.07 bilion diumumkan pada November tahun lalu manakala pakej kedua RM60.93 bilion pada Mac tahun ini. Kelmarin, Datuk Seri Najib Razak menyatakan bahawa dua pakej rangsangan ekonomi itu berada pada landasan betul dan mula memberi kesan positif terhadap pemulihan ekonomi negara dengan menjana pelbagai peluang pekerjaan dan pendapatan kepada kontraktor kecil. Antara kesannya ialah sektor pembinaan menyaksikan pertumbuhan 2.8 peratus pada suku akhir kedua berbanding 1.1 peratus yang dicatatkan pada suku akhir pertama tahun ini.

Selepas kerajaan merangka pelbagai inisiatif, apa yang kita harapkan ialah supaya semua kementerian dan agensi kerajaan yang dipertanggungjawab untuk melaksanakan rancangan pembangunan, menyiapkan semua projek yang sudah dikenal pasti. Setakat ini, 83,939 projek sudah ditawarkan yang mana 53,076 projek di bawah pakej pertama dan bakinya di bawah pakej kedua yang dirangka meliputi tempoh masa dua tahun. Ini bermakna dalam 10 bulan selepas pengumuman pakej pertama, 90 peratus projek yang dikenal pasti sudah ditawarkan dan sedang dalam peringkat pelaksanaan.

Meskipun pencapaian itu memuaskan, kita tidak mahu timbul rungutan seperti kontraktor gagal mendapat pembayaran mengikut jadual atau projek gagal disiapkan. Mulai sekarang, agensi pemantau seperti Unit Perancangan Ekonomi serta Kementerian Kewangan, perlu membuat pemeriksaan serta pemantauan rapi terutama sebelum pembentangan Bajet 2010 pada 23 Oktober ini dengan harapan semua projek yang sepatutnya dilaksanakan di bawah dua pakej itu, dijalankan mengikut jadual.

Kita percaya, apabila kerajaan mengumumkan beberapa inisiatif tambahan atau langkah baru dalam bajet itu nanti, tidak berlaku pertindihan atau projek lama sudah kurang diberi perhatian oleh agensi pelaksana semata-mata mahu menumpukan kepada inisiatif baru itu. Kita mahu semua projek di bawah pakej pertama, yang kini 90 peratus ditawar dan dalam peringkat pelaksanaan, diselesaikan terlebih dulu. Keutamaan juga perlu diberi untuk menyelesaikan projek di bawah sektor pembinaan kerana ia nyata memberi kesan besar kepada pertumbuhan ekonomi negara selain menjadi projek berimpak besar untuk rakyat seperti pembinaan rumah dan prasarana.

## **24 September 2009 (Khamis)**

### **PKFZ urus 2 mesin terbesar dunia**

ZON Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) mencipta sejarah apabila berjaya menguruskan penghantaran dua modul mesin terbesar di dunia, iaitu Alat Penapisan Air Laut dan Unit Menghapus Sulfat (SRU), baru-baru ini. Kedua-dua struktur itu, masing-masing berukuran 20 meter lebar dengan alat penapisan itu berukuran 29 meter panjang, manakala SRU 24 meter panjang. Alat penapisan itu juga bersamaan ketinggian bangunan 10 tingkat sehingga menyebabkan lampu jalan di sekitar pelabuhan terpaksa dialihkan bagi memberi ruang untuk kerja membawa masuk modul berkenaan. Kerja mengalihkan kedua-dua modul itu mengambil masa lima hari, walaupun hanya membabitkan jarak lima kilometer.

Lori pelbagai guna yang mempunyai 768 tayar turut digunakan bagi mengangkut alat penapisan dan SRU itu, yang masing-masing seberat 718 dan 336 tan. Pengurus yang juga Presiden Aker Solutions Asia Pasifik, Egil Martinussen, berkata kemampuan PKFZ menerima kedua-dua modul itu secara tidak langsung menguji kemampuan pelabuhan berkenaan, termasuk dari segi kelebihan perniagaan. "Kedua-duanya yang dibina Modec International LLC sudah dihantar ke Singapura bagi kerja tambahan lain sebelum menggunakan kapal penyimpanan dan punggahan terapung (FPSO) bagi dihantar ke Ghana," katanya.

**24 September 2009 (Khamis)**

## **Individu dedah isu PKFZ dipanggil**



**MUSA ditemubual wakil media selepas selesai melawat IPD Ampang Jaya, semalam.**

### **Musa enggan namakan siapa sebar Kertas Kabinet dalam laman web**

KUALA LUMPUR: Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, berkata sesiapa saja yang terbabit dalam kes berhubung penyiaran dan penyebaran Kertas Kabinet mengenai isu Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) di sebuah laman web, baru-baru ini akan dipanggil bagi memberi keterangan. Bagaimanapun, beliau enggan mendedahkan siapa yang akan disoal untuk mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab mendedahkan dokumen sulit itu yang membabitkan Akta Rahsia Rasmi (OSA). "Polis akan memanggil mereka yang dipercayai terbabit," katanya kepada pemberita selepas selesai melawat Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ampang Jaya di sini, semalam.

Kertas Kabinet mengenai PKFZ itu disiarkan di sebuah laman web didakwa sebagai Memorandum Daripada Menteri Kewangan berhubung PKFZ yang tertakluk kepada OSA. Musa bagaimanapun, enggan mengulas lanjut mengenai isu itu kerana bimbang ia akan mengganggu siasatan. Sementara itu, Musa berkata, anggota polis berpakaian preman dan rondaan menggunakan kenderaan tanpa logo polis akan diperluaskan untuk mencegah jenayah dengan lebih berkesan.

Beliau berkata, strategi berkenaan akan terus diperluaskan dan diperaktikkan secara berperingkat-peringkat di seluruh negara bagi mengekang pelbagai kejadian jenayah. "Saya sudah bincang untuk wujudkan pegawai dan anggota polis tanpa uniform dan ia sudah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Separuh tempat sudah ada anggota yang ditugaskan untuk berkawal," kata Musa.

Anggota polis terbabit akan ditempatkan di semua kawasan dan tidak bertumpu kepada kawasan panas semata-mata. "Kawasan 'hot spot' (panas), kita sudah ada anggota kita sendiri dan anggota Rela (Ikatan Relawan Rakyat), bila ada pihak berkuasa... jenayah kurang berlaku di kawasan terbabit sebab mereka (penjenayah) lari ke kawasan lain dan kerana itu rondaan perlu dijalankan di semua tempat. "Bila tiba musim perayaan berlaku juga kes seperti samun dan rompak. Pada masa itu orang tidak ramai dan ini memberi kesempatan kepada suspek untuk melakukan jenayah. "Kita berharap peniaga seperti pengusaha kedai emas agar lebih berwaspada ketika menjalankan perniagaan pada masa ini (hari raya)," katanya.

**25 September 2009 (Jumaat)**

## **BNM kuat kuasa akta bank pusat November**

Oleh Kamarulzaidi Kamis dan Azli Ayob [bhbiz@bharian.com.my](mailto:bhbiz@bharian.com.my)

AKTA bank pusat yang baru bakal memberikan kuasa kepada Bank Negara Malaysia untuk bertindak dengan lebih tegas dalam meningkatkan proses ketelusan dan tanggungjawabnya sebagai pengawal selia sektor perbankan serta kewangan apabila ia mula dilaksanakan November ini. Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, berkata Akta Bank Pusat Malaysia 2009 yang diluluskan Parlimen pada Julai lalu itu dibangunkan bagi menangani pelbagai isu dan cabaran dihadapi bank pusat dalam persekitaran semasa. "Akta ini lebih jelas dari segi mandat dipertanggungjawabkan kepada bank pusat dan ia memberikan lebih banyak kuasa dalam melaksanakan mandat itu ke arah mencapai kestabilan kewangan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Forum Sekolah Undang-undang Kewangan dan Perbankan 2009 anjuran Pusat Latihan dan Penyelidikan Bank-bank Pusat Asia Tenggara (SEACEN), Bank Negara dan Institut Bank-bank Malaysia (IBBM) di Kuala Lumpur, semalam. Zeti menambah, akta itu juga memerlukan Bank Negara mengambil pendirian seimbang bagi mengelak daripada menggunakan pakai rangka kerja undang-undang yang kaku dan boleh menyebabkan berlakunya situasi berat sebelah melampau yang boleh membawa kepada kemusnahan ekonomi. "Keseimbangan itu juga diperluaskan kepada peranan Bank Negara yang tegas dalam membangunkan sistem kewangan yang kukuh dan maju. "Pertimbangan seperti ini penting khususnya bagi ekonomi sedang meningkat untuk memastikan keseimbangan dalam kemajuan dan pembangunan ekonomi," katanya.

Dari segi keupayaan akta baru itu membawa kepada kestabilan sistem kewangan, Zeti menjelaskan, ia mempunyai mandat jelas dan peruntukan menyeluruh bagi meningkatkan pengawasan serta kuasa penyelesaian yang diperluaskan supaya penyelesaian kepada krisis kewangan dapat dibuat dengan cepat dan teratur. "Bank Negara juga mungkin akan mengambil tindakan campur tangan sewajarnya untuk mengelak risiko berpunca daripada entiti tidak dikawal selia," katanya.

Selain itu, beliau berkata, akta terbabit juga memberikan kelonggaran dan mandat tambahan kepada Bank Negara untuk menjalinkan kerjasama pada peringkat antarabangsa. Dalam perkembangan lain, Zeti berkata, cabaran utama yang sedang dihadapi kebanyakannya bank pusat adalah untuk membangunkan keupayaannya bagi menangani peningkatan situasi tidak menentu hasil daripada inovasi kewangan, pertambahan sektor yang tidak dikawal selia serta meningkatnya keadaan saling berhubungan antara institusi kewangan dan pasaran. Katanya, perkembangan seperti itu bukan saja mewujudkan risiko baru kepada sistem kewangan tetapi ia turut merubah cara bagaimana risiko dalam sistem kewangan dipindahkan ke dalam ekonomi sebenar. "Dalam persekitaran seperti ini, adalah penting bagi bank pusat mempunyai kerangka undang-undang yang cukup kuat dan dinamik untuk memberikan maklum balas kepada perkembangan ini," katanya.

**26 September 2009 (Sabtu)**

**LPK saman kontraktor PKFZ RM920j**

Oleh Tuan Nazuri Tuan Ismail nazuri@bharian.com.my



**LEE tiba di Mahkamah Tinggi Shah Alam, semalam**

**KDSB, BTA Architect didakwa buat tuntutan tak munasabah kerja pembangunan**

SHAH ALAM: Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) semalam memfailkan saman menuntut ganti rugi berjumlah RM920 juta terhadap kontraktor siap guna untuk Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), Kuala Dimensi Sdn Bhd (KDSB) dan penasihat projek yang dilantik, BTA Architect kerana didakwa membuat tuntutan tidak munasabah bagi projek berkenaan. Pengerusi, LPK Datuk Lee Hwa Beng memfailkan saman itu sendiri di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Sivil di sini, kira-kira jam 11 pagi. Bagaimanapun, beliau enggan memberikan salinan kedua-dua saman itu kepada media. Dalam kenyataan diedarkan kepada media, saman itu antara lain menuntut perjanjian dan deklarasi mengenai projek berkenaan dikaji semula bagi membolehkan bayaran setimpal dibuat kepada KDSB untuk kerja pembangunan PKFZ dan meminta mahkamah mengisyiharkan notis arahan pembayaran yang dikeluarkan PKFZ tidak sah serta terbatal.

LPK juga memohon mahkamah mengisyiharkan pembatalan bagi pembayaran kepada KDSB untuk kerja bekalan air, longkang dan projek tambatan banjir berjumlah RM837 juta. Selain itu, LPK memohon mahkamah mengeluarkan perintah supaya kerja pembangunan yang sedang dijalankan KDSB dipantau syarikat perunding bebas yang dilantik mahkamah. LPK juga menuntut KDSB selaku pemaju utama PKFZ membayar kos bagi kerja membaiki semula projek yang tidak disiapkan dengan sempurna berjumlah RM34 juta, ganti rugi kerana gagal menyiapkan ruang meletak kenderaan setinggi empat tingkat serta faedah dan kerosakan lain yang difikirkan perlu oleh mahkamah. Bagi penasihat projek yang dilantik untuk memantau kerja pembangunan PKFZ, BTA Architect, LPK menuntut ganti rugi kerana didakwa salah guna kuasa dan cuai dalam melaksanakan tugas. Dalam saman yang difailkan itu, LPK turut menuntut mahkamah membatalkan perjanjian menaikkan kadar faedah dari 5 peratus sehingga 7.5 peratus setahun yang ditandatangani pada April 2006 di antara LPK dan KDSB.

Bercakap kepada pemberita, Lee berkata, LPK memfailkan saman sebanyak RM1.64 bilion terhadap KKSB dan BTA Architect termasuk tuntutan berjumlah RM720 juta, minggu lalu. Beliau tidak menolak kemungkinan akan ada lagi tuntutan ganti rugi yang akan difailkan terhadap kedua-dua pihak itu jika ada keperluan. "Kita berharap tuntutan ini dapat mengurangkan beban LPK untuk membayar hutang kepada kontraktor," katanya.

KDSB adalah pemaju yang dilantik LPK pada 2003 bagi membangunkan PKFZ di tapak seluas 405 hektar bersebelahan Pelabuhan Utara di Klang. Syarikat itu menjadi tumpuan baru-baru ini berikutan didakwa mengenakan caj berlebihan terhadap LPK bagi projek PKFZ, menyebabkan lembaga itu dan projek berkenaan menanggung kerugian. Laporan audit mengenai projek PKFZ yang dibuat atas arahan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat, turut menamakan KDSB antara pihak yang dipersalahkan terhadap kegagalan PKFZ.